

05/03/2005

Tiga syarat Felda Holdings ke Bursa Malaysia

PENGERUSI Kumpulan Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor berkata, tiga aspek penting perlu diambil kira sebelum Felda Holdings Sdn Bhd disenaraikan di Bursa Malaysia.

Tiga perkara penting itu membabitkan kajian kapasiti pengeluaran kilang-kilang sawit Felda, kualiti ladang dan pencapaiannya dan pengurusan Felda secara amnya.

Menurut beliau, kajian itu penting kerana sumber pendapatan Felda adalah daripada kilang buah sawit yang sudah berusia 30 tahun.

Pelan cadangan penyenaraian Felda di Bursa Malaysia diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

(END) Source : Berita Harian